

20/10/2001

Sokong pertumbuhan ekonomi: MTUC

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai satu strategi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata MTUC menyambut baik langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menghadapi kesan ekonomi yang tidak menentu berikutan krisis yang berlaku di Amerika Syarikat dan Afghanistan.

Katanya, MTUC menyokong usaha kerajaan membantu syarikat yang mengalami kerugian menerusi bantuan modal bagi melindungi aset dan mengelak pekerja kehilangan kerja.

"MTUC juga mengalu-alukan usaha kerajaan mengarahkan syarikat swasta membelanjakan Tabung Pembangunan Sumber Manusia untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyokong cadangan kerajaan untuk mengurangkan cukai pendapatan perseorangan sebanyak satu peratus daripada 29 peratus menjadi 28 peratus kerana membolehkan orang ramai berbelanja sekali gus meningkatkan kegiatan ekonomi.

Bagaimanapun, beliau melahirkan kebimbangan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter akan meningkatkan kos pengangkutan dan merayu peniaga tidak menaikkan harga barang sesuka hati.

"MTUC meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memantau sebarang kenaikan harga barangan terutama menjelang musim perayaan," katanya.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Sekerja Telekom Malaysia (Nute), Mohamed Shafie BP Mammal, berkata belanjawan kali ini bersifat liberal dan seimbang untuk semua rakyat.

Beliau berkata, ia dapat dilihat menerusi pengurangan cukai pendapatan perseorangan, galakan pemberian latihan kepada pekerja oleh syarikat swasta serta menghapuskan sekatan pembayaran bonus.

(END)